

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr Shahidan bin Kassim [Arau]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menangguhkan pembangunan Rancangan Kereta Kebangsaan Ketiga, ini kerana pihak kerajaan harus lebih memfokuskan kepada pembangunan sektor pengangkutan awam yang dilihat lebih kritikal dan apakah perkembangan kereta terbang sekarang?

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek kereta nasional baharu mempunyai pendekatan yang agak berbeza dengan pengeluar kereta nasional sedia ada kerana bakal menggabungkan beberapa buah syarikat teknologi dan pembekal tempatan bagi menghasilkan sebuah kenderaan.

Projek kereta nasional baru bukan hanya mewujudkan sebuah kereta tetapi mengambil kesempatan daripada bakat dan sumber yang ada untuk mewujudkan pemangkin bagi pembangunan ekosistem di mana usahawan, perniagaan dan industri dapat berkembang.

## **SOALAN NO. 102**

Ianya secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada belia-belia tempatan dalam bidang kejuruteraan dimana iannya adalah salah satu kunci penting kepada Malaysia menjadi negara pengeluar.

Dunia kini menyaksikan perkembangan teknologi yang cukup pesat dan pantas. Begitu juga dengan kereta-kereta yang dihasilkan pada masa kini yang cukup sarat dengan teknologi baru untuk memudahkan pemanduan dan menjadikan pemanduan lebih selamat. Revolusi baru dalam dunia automotif pada masa hadapan akan lebih tertumpu kepada perisian “software” daripada perkakasan “hardware”.

Menerusi teknologi teknologi kenderaan tanpa pemandu atau autonomi (AV), sektor automotif negara akan kekal berdaya maju yang mana ia akan mewujudkan permintaan bukan sahaja bagi kenderaan akan tetapi untuk komponen elektrikal dan elektronik (E&E). Malah, trend terkini turut menyaksikan produk yang memiliki elemen Internet Segala-galanya (IoT) mempunyai permintaan yang tinggi begitu juga dengan penggunaan kenderaan autonomi yang dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada masa akan datang.

Untuk terus bersaing diperingkat global, kerajaan juga akan meneliti dari semua sudut dalam membawa industri automotif ke tahap seterusnya. Kereta nasional baharu sudah tentu akan berpaksikan pengalaman dan kepakaran yang telah dibina oleh ekosistem automotif sehingga kini, bersesuaian dengan trend pasaran dunia.

Bagi menghadapi revolusi baru dalam dunia automotif, negara perlu bersedia memperlengkapkan kemahiran dalam teknologi terkini. Ianya juga secara tidak langsung dapat mempertingkatkan Program Pembangunan Vendor tempatan dalam menyokong projek kereta nasional baharu. Kecemerlangan dalam sektor automotif akan menjadi batu loncatan kepada sektor pembuatan dan kejuruteraan peringkat tinggi seperti industri aeroangkasa yang pada masa ini telah menjana pendapatan kepada negara lebih daripada RM14 billion dan telah mewujudkan 24,500 pekerja mahir pada tahun 2018. Sekian, terima kasih.